

Ruj. Kami : UPM/PEND/500-3/2/1

Tarikh : 17 Ogos 2018

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TETAP (BUKAN AKADEMIK) TAHUN 2018

HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (HPUPM)

Kami mempelawa Warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan komitmen yang tinggi dan bercita-cita untuk berkhidmat dalam sebuah Universiti yang sedang menuju ke arah Universiti bertaraf dunia bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN 1 : JURUTERA GRED J41 - ELEKTRIK

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,529.00 – RM9,643.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM2,529.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam berkaitan.

Bidang : Kejuruteraan Elektrik

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a); atau

- (ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (iii) had umur pelantikan

Ringkasan Tugas

Melaksanakan atau memantau kontraktor, sub-kontraktor menjalankan penyelenggaraan dan pembaikan ke atas semua sistem bekalan elektrik dan alat kelengkapan elektrik. Menyediakan dan menyemak kajian kejuruteraan lukisan reka bentuk, dokumen, bahan dan spesifikasi peralatan. Mengkaji, mentafsir dan merancang spesifikasi teknikal.

JAWATAN 2 : PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM2,429.00– RM9,656.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pemulihan perubatan (pertuturan, audiologi, cara kerja, fisioterapi) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM2,429.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **empat (4) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Bidang Keutamaan

Pemulihan Carakerja (*Occupational Therapy*)

Audiologi

Terapi Pertuturan

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurupulih Perubatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a); dan
- (ii) had umur pelantikan

Ringkasan Tugas

Tugas-tugas adalah merangkumi kesemua pesakit dewasa serta pesakit pediatrik.

Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja)

- Menjalankan penilaian tahap kondisi/kecederaan pesakit dan ketidakupayaan (*disability*) yang mengganggu kefungsiannya
- Berhubung dengan anggota profesional kesihatan lain dan merancang aktiviti rawatan pemulihan pesakit
- Menggalakkan pesakit berdikari dalam aktiviti seharian termasuklah mobiliti, penjagaan diri dan aktiviti kerohanian
- Menjalankan lawatan ke rumah/tempat kerja/sekolah untuk memastikan pesakit dapat berfungsi dengan optima
- Memberikan program pendidikan kepada pesakit dan keluarga mereka sebagai langkah pencegahan komplikasi dan *disability* serta pengekaln tahap optima kefungsiannya pesakit
- Memberikan sokongan psikologi untuk memotivasikan pesakit
- Mengambil bahagian dalam konferens kes pesakit bagi membincangkan tahap kemajuan pesakit
- Menjalankan aktiviti kembalian pesakit ke pekerjaan (*work resettlement*) seperti latihan vokasional, terapi industri, bengkel terlindung dan penempatan kerja
- Menjalankan aktiviti kembalian pesakit ke rumah (*home resettlement*) termasuklah mencadangkan pengubahsuaian, susun atur perabut dan sebagainya
- Menjalankan latihan skil sosial untuk meningkatkan kebolehan pesakit berinteraksi di dalam komuniti
- Menggalakkan pesakit mengambil bahagian dalam aktiviti senggang (*leisure*) dan sukan yang sesuai
- Merekabentuk dan membuat alat-alat ortotik/splint untuk membantu kefungsiannya pesakit
- Merekabentuk dan membuat pakaian tekanan (*pressure garment*) untuk pengendalian parut/keloid, edema dan lain-lain
- Memberikan laporan tentang penilaian, perancangan rawatan dan kemajuan pesakit kepada pegawai perubatan dan pihak yang berkenaan
- Mengendalikan pusat harian untuk pesakit-pesakit yang mengalami masalah fiizikal dan psikososial termasuk pemantauan dan pengekaln kefungsiannya mereka.
- Mengendalikan kumpulan sokongan (*support group*) untuk pesakit-pesakit saling berkongsi masalah mereka
- Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup pesakit seperti socso, pembangunan masyarakat dan sebagainya.

Pegawai Pemulihan Perubatan (Audiologi)

Pegawai Pemulihan Perubatan (Audiologi) bertanggungjawab menjalankan ujian-ujian diagnostik audiologi yang lengkap untuk menilai tahap pendengaran pesakit serta memberi nasihat, khidmat kaunseling dan terapi serta menyelenggara program rehabilitasi.

Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)

Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) bertanggungjawab menjalankan pemulihan dan rehabilitasi masalah komunikasi, kelancaran bertutur, masalah suara serta memberi khidmat kaunseling.

JAWATAN 3 : PEGAWAI PERUBATAN GRED UD43/UD47/UD51/UD53

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM3,611.00 – RM10,560.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) (i) Ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
- (ii) Calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(a) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD43 ialah : RM3,611.00

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD47 ialah : RM5,211.00

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD51 ialah : RM5,860.00

Gaji permulaan lantikan pada Gred UD53 ialah : RM6,182.00

- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Bidang Keutamaan

- Bedah
- Urologi
- Patologi
- Mikrobiologi & Parasitologi Perubatan
- Oftalmologi
- Pediatrik

- Psikiatri
- Otorinolaringologi
- Anestesiologi
- Ortopedik
- Perubatan
- Obstetrik & Ginekologi
- Perubatan Keluarga
- Pengimejan
- Perubatan Nuklear
- Pemulihan Perubatan
- Penyelidikan Klinikal
- *Regional Emergency Stroke Unit*

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- c) Calon dalam bidang operasi, urologi hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan serta berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia;
- d) Calon dalam bidang patologi hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan;
- e) Calon dalam bidang mikrobiologi dan parasitologi hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di hospital serta calon yang berpengalaman bekerja di makmal mikrobiologi dan parasitologi sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** dialu-alukan untuk memohon;
- f) Calon dalam bidang oftalmologi hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan serta berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia;
- g) Calon dalam bidang pediatrik hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan sebagai Pegawai Perubatan (tidak termasuk tempoh membuat latihan *housemanship*);
- h) Calon dalam bidang psikiatri hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Ringkasan Tugas

Surgeri, Urologi

Bertanggungjawab memeriksa dan merawat pesakit, menguruskan pesakit di wad dan klinik operasi/urologi. Menjalankan pembedahan dan prosedur di bilik bedah/*daycare* serta menjalankan tugas atas panggilan (*on-call*).

Patologi

Menjalankan ujian, interpretasi dan validasi keputusan ujian di makmal patologi, membantu dalam aktiviti pengurusan makmal dan terlibat dalam aktiviti kualiti makmal bagi memastikan keputusan ujian yang dihasilkan adalah tepat serta menjalankan tugas atas panggilan (*on-call*).

Mikrobiologi

Bidang tugas adalah berkaitan diagnostik mikrobiologi dan parasitologi serta kawalan penyakit berjangkit. Tugas ini merangkumi kawalan kualiti dalam pemprosesan spesimen klinikal, ujian dan laporan makmal mengikut prosedur yang terkini.

Oftalmologi

Melakukan pembedahan katarak dan boleh menguruskan hal-hal klinikal dan kecemasan mata.

Pediatrik

- Bertanggungjawab memeriksa dan merawat pesakit bayi dan kanak-kanak
- Menguruskan rawatan dan pemeriksaan bayi dan kanak-kanak
- Menyediakan laporan-laporan berkaitan
- Menjalankan tugas-tugas *on call*
- Mengikuti dan mengendalikan program-program Jabatan
- Menyampaikan ceramah-ceramah berkaitan

Pemulihan Perubatan

Pernah menjalani posting di jabatan rehabilitasi/pemulihan perubatan (tidak wajib tetapi akan mendapat keutamaan).

Tugasan Umum

Memberikan perkhidmatan dan bertanggungjawab dalam bidang perubatan dan kesihatan dari segi pencegahan diagnostik, perawatan dan pemulihan bagi mengawal dan mempertingkatkan taraf kesihatan warga universiti dan masyarakat setempat.

JAWATAN 4 : PEGAWAI FARMASI GRED UF41/UF44

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,740.00 – RM9,656.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Ijazah sarjana muda dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia.
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Gaji permulaan lantikan pada Gred UF41 ialah : RM2,740.00

Gaji permulaan lantikan pada Gred UF44 ialah : RM3,611.00

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- c) Calon hendaklah mempunyai Sijil Tahunan Ahli Farmasi yang terkini.
- d) Calon yang ingin memohon Pegawai Farmasi Gred UF41 hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.
- e) Calon yang ingin memohon Pegawai Farmasi Gred UF44 hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **enam (6) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Farmasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Farmasi Gred UF41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a); dan
- (ii) had umur pelantikan

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab berkhidmat di Hospital Pengajar UPM dengan menjalankan aktiviti-aktiviti melibatkan jabatan farmasi termasuk perolehan, bekalan, pendispensan produk-produk farmaseutikal dan farmasi klinikal dan tugas penyeliaan staf bagi Pegawai Farmasi di Gred UF44.

JAWATAN 5 : PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U29

Kumpulan : **Pelaksana**

Jadual Gaji : **RM1,797.00 – RM5,753.00**

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Diploma dalam bidang pembantu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia. (Gaji permulaan : RM1,797.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keahlian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **empat (4) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- d) Calon hendaklah memiliki Diploma Pembantu Perubatan daripada Kolej Pembantu Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia dengan CGPA 3.0.
- e) Mempunyai Sijil Pengamalan Kerja (*Annual practise certificate*) yang terkini.
- f) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

g) Keutamaan diberi kepada calon yang memiliki Diploma Lanjutan/ Sijil Pos-Basik bagi pengkhususan berikut :

- Perawatan Perioperatif
Sub Kursus:
 - Pembedahan Pediatrik
 - Pembedahan Kolorektal
 - Pembedahan Ortopedik
 - Pembedahan Neuro
 - Pembedahan Urologi
 - *Interventional Radiology*

- Perawatan Rapi
Sub Kursus:
 - Pediatrik
 - Neuro
 - *Intensive Care Technology*

- Perawatan Onkologi (Hematologi-Onkologi)
- Perawatan Kesihatan Mental
- Penjagaan Kecemasan
- Pengkhususan Pediatrik
- Perawatan *Gastrointestinal Endoscopy*
- Rawatan Perianestesia
- Pengkhususan Urologi
- Perawatan Oftalmik
- Perawatan Otorinolaringologi
- Perawatan Nefrologi
- Pengkhususan Neurosains
- Penjagaan Dermatologi
- Perubatan Sukan
- Perawatan Ortopedik
- Kawalan Infeksi
- Perawatan Penjagaan Kesihatan Primer
- Penjagaan Pengurusan Diabetes
- Perubatan Forensik

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab memberi perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat dari aspek kuratif, preventif pencegahan, promosi dan pemulihan dalam sistem perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Memberi rawatan kuratif, preventif pencegahan serta perkhidmatan bantuan kecemasan di pusat-pusat kesihatan termasuk Dispensari Statik dan Bergerak, Jabatan Pesakit Luar Kesihatan Am dan Jabatan Kemalangan dan Kecemasan. Memberi rawatan awal dan segera serta sokongan bagi semua kes kecemasan dan merujuk kes-kes berkenaan untuk pengendalian selanjutnya kepada pegawai perubatan, memberi perkhidmatan bantuan di pelbagai Jabatan Kepakaran, institusi-institusi wad dan program-program lain.

JAWATAN 6 : JURURAWAT GRED U29

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,797.00 – RM5,753.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Diploma dalam bidang kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia. (Gaji permulaan : RM1,797.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **empat (4) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- d) Calon hendaklah memiliki Diploma Kejururawatan daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia atau swasta yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dengan CGPA 3.0.
- e) Mempunyai Sijil Pengamalan Kerja (*Annual practise certificate*) yang terkini.
- f) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- g) Keutamaan diberi kepada calon yang memiliki Diploma Lanjutan/ Sijil Pos-Basik dalam bidang: -
 - Perawatan Perioperatif
Sub Kursus:
 - Pembedahan Pediatrik
 - Pembedahan Kolorektal
 - Pembedahan Ortopedik
 - Pembedahan Neuro
 - Pembedahan Urologi
 - *Interventional Radiology*

- Perawatan Rapi
 - Sub Kursus:
 - Pediatrik
 - Neuro
 - *Intensive Care Technology*
 - Perawatan Onkologi (Hematologi-Onkologi)
 - Kebidanan
 - Perawatan Kesihatan Mental
 - Perawatan Gerontologi
 - Penjagaan Kecemasan
 - Pengkhususan Pediatrik
 - Perawatan *Gastrointestinal Endoscopy*
 - Rawatan Perianestesia
 - Pengkhususan Urologi
 - Perawatan Oftalmik
 - Perawatan Otorinolaringologi
 - Perawatan Nefrologi
 - Pengkhususan Neurosains
 - Penjagaan Dermatologi
 - Perubatan Sukan
 - Perawatan Ortopedik
 - Kawalan Infeksi
 - Perawatan Neonat
 - Perawatan Penjagaan Kesihatan Primer
 - Pengurusan Diabetes
 - Rehabilitasi

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a); dan
- (ii) had umur pelantikan

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas perawatan dan penjagaan pesakit, pendidikan dan promosi kesihatan, pengawalan dan keselamatan pesakit, peralatan dan ubat-ubatan yang digunakan serta tugas-tugas pengurusan, perancangan, latihan dan penyelidikan bagi meningkat dan mengawal mutu perkhidmatan kejururawatan.

JAWATAN 7 : JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN GRED U29

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,797.00 – RM5,753.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Diploma dalam bidang teknologi makmal perubatan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM 1,797.00); dan
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Bidang Keutamaan

Pediatrik
Mikrobiologi
Patologi

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- c) Calon mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** pengalaman bekerja di makmal mikrobiologi dan parasitologi.
- d) Keutamaan diberikan kepada mereka yang mempunyai pengalaman bekerja di makmal tisu kultur dan/atau mengendalikan mesin "flowcytometry".

Ringkasan Tugas

Pediatrik

- Mengambil sampel-sampel untuk kajian daripada pesakit-pesakit dan binatang-binatang.
- Menyediakan ujian dan simpanan reagent, media, *standard solution suspension* dan lain-lain berkaitan.
- Menjalankan ujian-ujian berkaitan yang ditawarkan oleh makmal.
- Membantu dan menunjuk ajar pelajar-pelajar siswazah berkaitan ujian-ujian tertentu.

Mikrobiologi

- Tugas ini merangkumi kawalan kualiti dalam pemprosesan spesimen klinikal, ujian dan dokumentasi ujian mengikut prosedur yang terkini.
- Menyediakan ujian dan simpanan reagen, media, *standard solution suspension* dan lain-lain.

Pentadbiran

- Menerima, merekod dan mengirim sampel-sampel untuk ujian.
- Menyelenggara perjalanan, pembersihan dan kalibrasi alat-alat kelengkapan makmal.
- Membantu dalam pemesanan bekalan dan penyimpanan senarai alat-alat kelengkapan (*inventory*).
- Mengemukakan semua laporan keputusan ujian dan menyimpan peraturan-peraturan yang dijalankan dan keputusan ujian-ujian yang diperolehi bagi perkhidmatan, penyelidikan dan pembelajaran.
- Memangku dan mengambil tanggungjawab Juruteknologi Makmal Perubatan Tingkatan Khas semasa ketiadaan beliau.
- Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa ke masa.

JAWATAN 8 : JURU X-RAY GRED U29
--

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,797.00 – RM5,753.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Diploma dalam bidang radiografi, pengimejan perubatan, radioterapi atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan : RM1,797.00).
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- d) Berpengalaman dalam menjalankan prosedur khas (CT Scan / MRI / Mammografi / Angiografi / Intervension / Spect-CT) adalah keutamaan.

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab menghasilkan imej perubatan untuk membantu pakar dan Pegawai Perubatan dalam mendiagnos penyakit, menilai imej dan radiografi yang dihasilkan, menguruskan hal-hal berkaitan permohonan pemeriksaan radiografi, bertanggungjawab terhadap penjagaan dan kawalan mutu peralatan yang digunakan serta tugas-tugas perancangan, pengurusan, latihan dan penyelidikan bagi meningkat dan mengawal mutu perkhidmatan Juru X-Ray.

JAWATAN 9 : JURURAWAT MASYARAKAT GRED U19
--

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,418.12 – RM4,052.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Jururawat Masyarakat yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia. (Gaji permulaan : RM1,418.12)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **empat (4) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- d) Calon hendaklah memiliki Sijil Jururawat Masyarakat dari Kolej Jururawat Masyarakat Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia.

- e) Mempunyai Sijil Pengamalan Kerja (*Annual practise certificate*) yang terkini.
- f) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Peningkatan Secara Lantikan (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a); dan
- (ii) had umur pelantikan

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab sebagai pekerja kesihatan yang menjalankan pelbagai tugas dan merupakan ahli pasukan kesihatan yang berkhidmat secara terus kepada masyarakat.

JAWATAN 10 : JURUTEKNIK PERUBATAN GRED U19

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,360.00 – RM4,052.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Sijil Pelajara Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek sains pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji permulaan : RM1360.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **empat (4) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

Ringkasan Tugas

Umum

Bertanggungjawab membantu dalam menyediakan aksesori rawatan seperti blok sinaran, topeng cegah gerak, *leg rest*, *dental mould*, *aksesori tray* untuk *linac*, aksesori peralatan QC serta pengumpulan data bagi tujuan rawatan pesakit.

Khusus

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

SYARAT UMUM PERMOHONAN:

- a) Pemohon mestilah Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Pegawai-pegawai yang **sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan** :-
 - i) Had umur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 50 tahun;
 - ii) Syarat umur bagi pertimbangan Peningkatan Secara Lantikan (PSL)
 - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun;
 - iii) Perlu mengemukakan **kenyataan rekod perkhidmatan** pegawai apabila dipanggil untuk ditemuduga.
- d) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa; dan
- e) Bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan awam, calon yang memohon jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk Sijil Pelajaran Malaysia perlu memiliki sekurang-kurangnya keputusan berikut:
 - (i) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
 - (ii) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
 - (iii) memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu iaitu Kepujian dan subjek-subjek tertentu seperti mana yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

CARA MEMOHON :

Semua permohonan jawatan adalah menggunakan Sistem Permohonan Jawatan secara *Online* (SPJOnline) sepenuhnya dengan memasuki laman web **<http://spj.upm.edu.my>**

PERHATIAN :

Permohonan secara *online* yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

TEMPOH IKLAN :

Sistem Permohonan Jawatan secara *online* (SPJOnline) akan mula dibuka pada **17 Ogos 2018 (Jumaat)** dan akan ditutup pada **30 Ogos 2018 (Khamis)**.